

28 JUL 1997

Mahathir-BN

KERAJAAN BN SATU CONTOH PERKONGSIAN BIJAK, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kerajaan Barisan Nasional sebagai satu contoh perkongsian bijak membabitkan berbilang parti dan bangsa yang bersatu dalam satu haluan untuk kepentingan bersama.

Beliau berkata Barisan Nasional memberi penekanan kepada perkongsian kuasa, musyawarah dan memberikan penyertaan adil kepada semua parti, tidak kira besar atau kecil, dan dengan itu, tidak timbul persoalan penguasaan oleh satu-satu parti.

"Keanggotaan dalam Barisan Nasional oleh begitu banyak parti sebenarnya sesuatu yang bijak," katanya dalam ucapan utama semasa merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID) kali ketiga di mana beliau mengutarakan perkongsian bijak dalam politik.

LID '97 dihadiri oleh lebih 350 peserta termasuk beberapa orang presiden dan perdana menteri kebanyakannya dari negara-negara di selatan Afrika serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan tokoh korporat dari seluruh dunia.

"Kami menerima keperluan untuk berkongsi (kuasa) di Malaysia, sebuah negara berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang budaya dan berbilang agama," katanya sambil menambah bahawa "perlu ditegaskan, bahawa (perkongsian) yang adil dan saksama, bukan semata-mata mengenai perkongsian sama rata."

Dr. Mahathir berkata bahawa dalam BN, terdapat 14 buah parti politik dengan UMNO menjadi teras dan parti dominan dan sebagai parti terbesar dalam kerajaan campuran itu, kepimpinannya tidak dipersoalkan.

"Peranan kepemimpinan ini adalah tulen dan bermakna. Pemimpin UMNO diterima sebagai pemimpin kerajaan campuran dan satu-satunya calon untuk jawatan Perdana Menteri," katanya.

Beliau menegaskan bahawa ia merupakan satu tolak-ansur, UMNO memberi jaminan untuk tidak memerintah bersendirian, dan akan mendengar dan menerima pandangan dan hasrat rakan lain dan kumpulan etnik yang mereka wakili.

Untuk memperkukuhkan rasa selamat di kalangan anggota kerajaan campuran itu, UMNO, walaupun parti terbesar, sebenarnya mengelak daripada menguasainya dengan tidak meletakkan calon (dalam pilihan raya) yang mencukupi untuk membentuk kerajaan secara bersendirian, katanya.

Satu lagi contoh yang menunjukkan BN adalah satu perkongsian bijak ialah tiada satupun parti komponen bertanding menentang rakan lain dalam kerajaan campuran itu, satu formula yang terbukti berjaya sejak negara mencapai kemerdekaan, katanya.

Perdana Menteri berkata perkongsian bijak itu telah mengguna dengan paling berkesan kekuatan dan kelemahan kumpulan etnik yang berlainan untuk kepentingan bersama.

Sungguhpun demikian, beliau berkata "sebenarnya tiada satu sistem politik yang bijak yang sebegitu bijak sehinggakan ia dapat membuahkan hasil tanpa mengira siapa yang menggunakan sistem itu," dan menambah bahawa di Malaysia, ia telah menyumbang kepada kestabilan.

Mengenai dialog yang memasuki tahun ketiganya dengan dialog yang serupa telah diadakan di Botswana pada Mei lepas, Perdana Menteri mengakui bahawa beliau sendiri tidak menduga bahawa LID mendapat sambutan hangat dan begitu meluas.

Dr Mahathir juga menyatakan beliau gembira untuk melaporkan bahawa

kesatuan-kesatuan sekerja di Malaysia yang selama ini telah menjauhkan diri daripada perikatan sedemikian, kini tampil ke muka untuk bersama-sama kerajaan dan sektor swasta menjayakan perkongsian bijak.

Beliau berkata kejayaan dan keuntungan yang diperolehi oleh kesatuan sekerja tidak kekal lama...hampir sejurus selepas rundingan mogok berhasil, desakan baru akan timbul dan di barat, tenaga kerja tidaklah berkedudukan baik walaupun kesatuan sekerja di sana dikira berjaya.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa "perkongsian bijak antara sektor-sektor awam dan swasta dan kesatuan sekerja boleh berlaku sekiranya setiap entiti itu berpadu dan berkesan" dan jika ini dicapai, negara dan perkongsian itu akan mendapat untung.

Beralih kepada gambaran sedunia, perdana menteri membidas kuasa-kuasa besar kerana memaksa perkongsian bijak yang tidak bijak, terutama sekali bila mereka sahaja yang akan mendapat faedah dan menafikan perkongsian kuasa yang adil, atau tanggungjawab dan pulangan dalam apa jua bentuk kepada negara kecil.

"Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) adalah satu kes yang nyata" kerana apa sahaja kelebihan daya saing yang mungkin dipunyai oleh negara membangun dikira sebagai tidak adil dan tidak sah," katanya.

"Kos buruh yang rendah, sumber asli dan kerajaan yang stabil semuanya dianggap sebagai salah atau tidak wajar atau tidak dapat diterima...tetapi kelebihan daya saing negara-negara kuat dikira sah, adil dan wajar," katanya.

Beliau memberi contoh tentang bagaimana tekanan dikenakan ke atas negara membangun untuk membuka sektor perkhidmatan kewangan mereka, satu keadaan yang akan memaksa "industri dan bank yang kecil dan lemah di negara miskin yang sedang membangun" bersaing dengan perbadanan dan bank yang kukuh di negara-negara kuat dan kaya.

Dr. Mahathir memberitahu hadirin tentang satu peristiwa semasa beliau memberi penjelasan kepada sekumpulan pelawat dari sebuah negara kaya kenapa Malaysia tidak boleh membuka pasarannya sekarang kepada mereka, tindak balas yang diterima ialah "kedengkian yang disusuli dengan permintaan untuk mempercepatkannya."

Perkongsian bijak antara negara harus mempertimbangkan bandingan kekuatan dan kelemahan rakan kongsi. Tidak rugi untuk memberikan satu handikap kepada rakan yang miskin, umpamanya dalam bentuk sistem keistimewaan am (GSP).

"...dengan berbuat demikian, anda akan mempercepatkan proses peningkatan mereka kepada taraf bukan GSP...dan bila taraf mereka dinaikkan mereka pasti telah mencapai sesuatu tahap pembangunan yang akan menjadikan mereka sebuah pasaran yang baik untuk negara kaya.

-- BERNAMA

MR SIA